




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 260 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 33,371 kes. Tiga (3) kes kematian dicatatkan di Daerah Sandakan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 400 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 30,283 orang. Sejumlah 2,192 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 603 orang di hospital dan 1,589 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 60 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang bertukar dari zon hijau ke zon kuning

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 260 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 139 kes (53.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat di 15 daerah, 52 kes (20%) dari saringan kluster-kluster sedia ada, saringan bergejala 34 kes (13.1%), saringan komuniti 8 kes (3%) dan 27 kes (10.4%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,001 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,566 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,567 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 33.38%.

B. BILANGAN DUDUK SEMEJA (*DINE-IN*) MAKAN DI RESTORAN

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah bersetuju membenarkan pelanggan yang datang berkeluarga dari rumah yang sama duduk semeja semasa makan di restoran mengikut kapasiti meja makan tersebut.
- 2 Kelonggaran ini adalah membolehkan mereka yang berkeluarga dapat makan bersama di restoran tanpa perlu duduk berasingan.

C. RAKYAT SABAH YANG PULANG DARI NEGARA BRUNEI

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah bersetuju memberi kelonggaran kepada rakyat Negeri Sabah yang berada di Negara Brunei masuk ke Sabah **TANPA PERLU** menjalani kuarantin wajib.
- 2 Individu tersebut **DIWAJIBKAN** menjalani ujian saringan RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19. Keputusan ujian saringan tersebut mestilah dalam tempoh 1 hingga 3 hari sebelum perjalanan masuk ke Sabah.

D. SARINGAN BESAR – BESARAN DI PUSAT TAHAN SEMENTARA (PTS) TAWAU

Sebagai makluman awal, saringan COVID-19 secara besar-besaran telah dibuat di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau bermula hari ini. Hasil saringan tersebut dijadualkan diketahui esok dan akan menyumbang kepada pertambahan statistik kes baharu di Daerah Tawau.

E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **297,418** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

F. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 15 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 203 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

G. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

H. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis di lapan (8) Daerah iaitu Kinabatangan, Tawau, Semporna, Lahad Datu, Keningau, Sandakan, Kota Kinabalu dan Kota Belud.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 99 lokasi di 17 daerah. Hebahan dibuat dalam enam (6) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Murut, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putus rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

15 Disember 2020